



TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA DATO SERI
SETIA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**MAJLIS PERASMIAN SKIM PERKHIDMATAN MASYARAKAT
BAGI PENERIMA-PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN
BULANAN**

**HARI ISNIN, 20 SYAWAL 1432
BERSAMAAN 19 SEPTEMBER 2011
JAM 09.00 PAGI**

**DEWAN IMTIYAZ, PUSAT BAHAGIA PULAIE
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji-pujian bagi Allah Subahanahu Wataala, selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Mohammad SAW serta kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga keakhir zaman

Yang Mulia

Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan
Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
Selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia

Dato Paduka Awang Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Jaafar
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Yang Mulia

Awng Haju Harun bin Haji Juned
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia

Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul Rahman
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Ketua-Ketua Jabatan
Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan
Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong
Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat
Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua dapat
kita berhimpun bersama-sama dalam Majlis pagi ini, iaitu Majlis
Pelancaran Skim Perkhidmatan Masyarakat bagi Penerima-
Penerima Bantuan Kebajikan, yang di berikan oleh Kementerian
Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM).

Majlis pada pagi ini merupakan sebagai satu inisiatif
permulaan dalam usaha untuk memberikan kesedaran dan
membentuk sebagai anggota masyarakat yang lebih berdisiplin,
berdikari dan bertanggungjawab kepada diri sendiri dan
masyarakat serta mempunyai peranan kearah membangun
bangsa dan Negara dikalangan mereka yang menerima bantuan
kebakikan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. .

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Selaras dengan Wawasan Brunei Darussalam 2035, iaitu **meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini**, Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat dan prihatin akan kesejahteraan rakyat dan penduduk dinegara ini. Golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan khususnya mereka yang tergolong sebagai fakir dan miskin adalah tidak terlepas pandang daripada mendapat perhatian dan diberikan bantuan mengikut keperluan mereka oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam.

Usaha memberikan bantuan kepada golongan yang daif, fakir dan miskin di Negara ini juga di berikan melalui Majlis Ugama Islam dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dalam erti kata yang lain bagi mereka yang berkehidupan susah dan

tergolong sebagai daif, fakir dan miskin, di Negara ini berkelayakan untuk memohon bantuan kewangan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi berkenaan.

Mereka yang daif termasuk anggota keluarga mereka, mengikut keperluan, diberikan bantuan seperti elaun bulanan termasuk sara hidup dan persekolahan bagi anak anak mereka dibawah umur lapan belas tahun. Ini termasuk pemberian barang barang makanan keperluan asas dan juga bantuan perumahan kepada mereka yang benar benar difikirkan perlu untuk diberikan bantuan.

Disamping bantuan bantuan yang dihulurkan oleh pihak kerajaan, Majlis Ugama Islam dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, orang ramai di Negara ini yang tergolong daripada anggota masyarakat persendirian, persatuan persatuan dan badan badan kebajikan dan juga pihak swasta dan bank bank adalah sangat perihatin dan sentiasa bermurah hati dan dermawan dalam menghulurkan bantuan kepada golongan daif, fakir dan miskin di Negara ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyediakan peruntukan sejumlah 9 juta ringgit setahun bagi pembayaran bantuan kebajikan bulanan kepada mereka yang berkehidupan susah. Pada masa ini terdapat seramai 3,698 orang yang menerima bantuan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dan jumlah ini semakin meningkat dari setahun kesetahun.

Walaupun pihak Kerajaan mengambil berat terhadap kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini, adalah menjadi hasrat pihak Kerajaan untuk membawa keluar golongan miskin dan fakir di Negara ini daripada kempompong atau belengu kemiskinan melalui perubahan minda atau mind set untuk memperbaiki diri dan kehidupan serta mewujudkan satu masyarakat yang berdikari dan tidak sentiasa bergantung kepada Kerajaan. Pihak Kerajaan menyedari bahawa dengan adanya masyarakat yang terlalu bergantung dan mengharapkan bantuan Kerajaan akan mewujudkan satu masyarakat yang kurang produktif kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Kajian kemiskinan di Negara Brunei Darussalam telah mendapati bahawa dengan bantuan kebajikan yang ada pada masa ini, penduduk miskin di negara ini akan sangat bergantung dan berharap kepada bantuan orang lain terutamanya pihak Kerajaan . Mereka kurang bermotivasi untuk mendapatkan pekerjaan dan tidak memiliki inisiatif untuk meningkatkan kemampuan diri.

Tambahan lagi, bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan ini ada sebahagiannya dikadar yang agak tinggi. Sebagai contoh, sebuah keluarga yang terdiri daripada enam orang boleh mendapat bantuan kebajikan sehingga \$900 sebulan berbanding dengan pekerjaan berkemahiran rendah yang hanya mendapat purata \$350-\$400 sebulan.

Oleh yang demikian, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah pun mengemukakan satu cadangan dimana penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan dibawah Jabatan Pembangunan Masyarakat dimestikan untuk menjalani satu program khidmat masyarakat yang dikenali sebagai **Skim Perkhidmatan Masyarakat bagi Penerima-Penerima Bantuan Kebajikan Bulanan.**

Skim yang baru diperkenalkan ini nanti adalah sebagai tambahan kepada skim yang sudah berjalan pada masa ini iaitu memberikan kemahiran dibidang perniagaan dan keusahawanan dikalangan penerima bantuan bulanan kebajikan yang dikenali sebagai **PERKASA** yang mana mereka menjalani latihan di Pusat Pembangunan Belia, Tanah Jambu.

Dibawah program perkhidmatan masyarakat, penerima penerima bantuan bulanan kebajikan, khususnya yang mampu dari segi fizikal dan mental akan melakukan kerja kerja seperti membersihkan persekitaran masjid, balai balai raya, kawasan perkuburan, dewan kemasyarakatan dan kawasan kawasan mukim dan kampung. Mereka juga akan diaturnya membuat kerja kerja amal, dan kemasyarkatan di bangunan sekolah sekolah, rumah rumah dan pusat kebajikan dan hospital hospital dan juga membantu mereka yang memerlukan bantuan dalam bentuk kerja bergotong royong seperti membersihkan kawasan perumahan dan membaiki kerosakan rumah rumah orang daif dan miskin dan seumpamanya.

Dengan adanya skim ini, adalah diharapkan penerima-penerima bantuan kebajikan bulanan (BKB) dapat menanamkan sikap berdikari, bantu diri dan bertanggungjawab tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan kerana sikap seumpama ini adalah lebih mulia di sisi agama Islam. Dalam waktu yang sama penerima penerima bantuan kebajikan bulanan mampu membuat perkerjaan yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan Negara disamping mendedahkan dan membiasakan diri mereka dengan alam perkerjaan.

Dengan pendedahan kepada suasana pekerjaan dan pengalaman yang mereka perolehi semasa melakukan kerja-kerja kemasyarakatan dengan tidak secara langsung akan dapat mereka gunakan sebagai loncatan dalam mereka menceburi bidang pekerjaan lain dan dapat menanam semangat kesukarelawanan dalam diri mereka.

Melalui skim ini, diharapkan adanya suatu perubahan minda yang positif kepada para penerima bantuan kebajikan bulanan untuk mengeluarkan diri mereka daripada terus menjadi masyarakat penerima tetapi lebih kepada masyarakat yang proaktif serta sentiasa bergerak ke hadapan bagi mencapai kemajuan.

Memandangkan skim ini merupakan satu perkara baru, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan menyedari bahawa akan adanya cabaran cabaran yang akan dihadapi dalam menjalankan skim seperti ini memandangkan penerima-penerima telah terbiasa menerima bantuan kebajikan tanpa perlu membuat sesuatu. Walaubagaimanapun hendaknyalah skim ini dilihat daripada aspek yang positif untuk menuju kebaikan dan kemajuan.

Bagi keberkesanan dan kejayaan skim ini, kerjasama yang padu juga diperlukan daripada semua yang terlibat, terutamanya penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung yang selama ini telah memberikan kerjasama padu kepada Kementerian ini dalam sama-sama memeduli kebajikan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Penghulu dan ketua kampung dialu alukan untuk memberikan cadangan dan mengaturkan kerja kerja kebajikan dan kemasyarakatan yang di fikirkan relevan bagi membantu penerima bantuan kebajikan bulanan dapat menjadi berdikari dan menyumbang kepada masyarakat setempat.

Akhir kata, apa yang dihasratkan melalui skim ini, kita akan dapat melihat masyarakat *Brunei* yang memiliki harga diri yang lebih tinggi, lebih percaya kepada diri sendiri, berdaya tahan serta tidak mudah berputus asa dan mampu bersaing dengan orang lain dalam mencari pekerjaan serta dapat menyumbang dalam pembangunan sosio-ekonomi Negara secara memberikan khidmat timbal balas dalam konteks memberi dan menerima, membalas budi dan berbahasa .

Maka dengan mendahulukan kalimah

**BISMILLAHIRAHMANIR RAHIM DAN DENGAN
BERTAWAKAL KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATAALA,
MAKA DENGAN INI SAYA SUKACITA MELANCARKAN SKIM
PERKHIDMATAN MASYARAKAT BAGI PENERIMA-
PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN BULANAN.**

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.